

FE Night 2012

Artikel oleh: Saturi Baco

Program Fizik dengan Elektronik telah mengadakan majlis makan malam tahunan pada 12 Mei 2012 bertempat di Ming Garden Hotel. Makan malam kali ini bertemakan '*Retro Night*' dan telah dirasmikan oleh Ketua Program iaitu Dr. Fauziah Sulaiman. Acara makan malam diserikan oleh nyanyian *live band* oleh beberapa kumpulan pelajar yang mendendangkan lagu-lagu retro. Majlis ini juga telah diisi dengan penyampaian hadiah kepada pelajar cemerlang tahun pertama, kedua dan tahun akhir sebagai pengiktirafan diatas kecemerlangan yang mereka tunjukkan dalam akademik dan sahsiah. Majlis berakhir dengan sesi cabutan bertuah dan bergambar beramai-ramai.

